

**SEJARAH IDENTIFIKASI MASYARAKAT IRANUN
DI KOTA BELUD PADA TAHUN 1963-2010**



DG. NORAFIDAH BINTI AWANG NASIB

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

**SEJARAH IDENTIFIKASI MASYARAKAT IRANUN
DI KOTA BELUD PADA TAHUN 1963-2010**

DG. NORAFIDAH BINTI AWANG NASIB



UMS

**LATIHAN ILMIAH INI DISERAHKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN PENGIJAZAHAN
IJAZAH SARJANA MUDA (SEJARAH)**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah yang bertajuk *Sejarah Identifikasi Masyarakat Iranun di Kota Belud Pada Tahun 1963-2010* merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri kecuali petikan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

12 Ogos 2022

afidah

Dg. Norafidah binti Awang Nasib

BA19110277



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

**SEJARAH IDENTIFIKASI MASYARAKAT IRANUN DI KOTA BELUD PADA
TAHUN 1963-2010**

OLEH

**DG. NORAFIDAH BINTI AWANG NASIB
BA19110277**

**Latihan ilmiah ini dikemukakan bagi memenuhi sebahagian daripada
syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan
Kepujian dalam bidang Sejarah**



Norafidah

DG. NORAFIDAH BINTI AWANG NASIB
BA19110277

Disahkan oleh,

DR. MD SAFFIE ABDUL RAHIM
PENYELIA

DR. MD SAFFIE ABDUL RAHIM
PENYELIA

**PROGRAM SEJARAH
SEKOLAH SAINS SOSIAL
2021/2022**

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan rasa syukur kepada Allah SWT atas segala kekuatan yang diberikan untuk menyiapkan latihan ilmiah ini. Saya juga ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia latihan ilmiah saya, Dr. Md Saffie bin Abdul Rahim atas tunjuk ajar, sokongan dan cadangan penambahbaikan dalam latihan ilmiah saya. Dengan kesempatan ini juga, saya ingin berterima kasih kepada ibu saya kerana menyokong dan banyak membantu dalam mendapatkan maklumat berkaitan latihan ilmiah ini. Ucapan terima kasih juga kepada pihak perpustakaan di perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dan perpustakaan daerah Kota Belud yang telah menjadi pusat rujukan saya. Saya turut berterima kasih kepada rakan-rakan dan semua pihak yang telah memberikan pandangan dan memudahkan kerja saya. Dalam menyiapkan latihan ilmiah ini, banyak ilmu dan pengalaman yang saya peroleh mengenai masyarakat Iranun ini. Sesungguhnya, segala kelemahan yang terdapat dalam latihan ilmiah ini adalah berpunca daripada penulis sendiri dan semoga penulisan ini dapat memberikan input yang berguna kepada semua pihak.

Sekian dan terima kasih.

Dg. Norafidah binti Awang Nasib

10 Ogos 2022

ABSTRAK

Iranun merupakan salah satu kumpulan etnik minoriti di Sabah sehingga pernah dikategorikan sebagai sub-etnik Bajau. Iranun adalah masyarakat peribumi yang ada di Sabah yang mana telah didaftarkan sebagai Illanun di setiap daftar rekod kerajaan pada masa dahulu. Kerajaan negeri Sabah juga telah bersetuju untuk mengubah istilah Illanun ini iaitu lebih tepat kepada Iranun sejak bulan Februari 1988. Objektif kajian ini adalah meneliti sejarah identifikasi masyarakat Iranun di Kota Belud (1963-2010) serta perbezaan budaya antara masyarakat Iranun dengan Bajau Kota Belud yang sering dikatakan sama daripada aspek budaya tradisi perkahwinan dan kematian. Kaedah kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah kaedah kualitatif dengan menjadikan disiplin sejarah sebagai asas perbincangan. Sumber yang digunakan ialah sumber primer berbentuk dokumen asal yang diperolehi dari arkib atau agensi berkaitan. Sumber sekunder seperti buku dan artikel yang terdapat di perpustakaan-perpustakaan universiti dan daerah turut dirujuk selain sumber temu bual. Dapatan awal kajian menunjukkan bahawa masyarakat Iranun berasal dari Pulau Mindanao, Filipina dan berhijrah ke Sabah kerana faktor perdagangan dan pengembaraan untuk membina penempatan baru. Menerusi dapatan awal kajian ini, signifikannya dapatan ini adalah untuk mengidentifikasi masyarakat Iranun dari segi sejarah asal-usul mereka di Sabah dan membuktikan wujudnya perbezaan dari aspek budaya antara etnik ini dengan masyarakat Bajau.

Kata kunci: Iranun, perbezaan budaya, tradisi perkahwinan dan kematian

SENARAI KANDUNGAN

	HALAMAN
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN	x
SENARAI LAMPIRAN	xi
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1-3
1.2 Permasalahan Kajian	3-5
1.3 Objektif Kajian	5-6
1.4 Sorotan Literatur	6-12
1.5 Skop Kajian	12-13
1.6 Kepentingan Kajian	14-15
1.7 Kaedah Kajian	15
1.8 Pembahagian Kajian	16-17
1.9 Kesimpulan	17
BAB 2 : SEJARAH ASAL-USUL MASYARAKAT IRANUN	
2.1 Pengenalan	18
2.2 Masyarakat Nusantara	18-19
2.3 Masyarakat Filipina	19
2.4 Masyarakat Borneo	19-20
2.5 Masyarakat Kota Belud	20-21
2.6 Asal-usul Nama Iranun	21-22
2.7 Penempatan Awal Masyarakat Iranun	22-23

2.7.1 Populasi masyarakat Iranun di Sabah	24
2.8 Bahasa Pertuturan	24-25
2.9 Asal-usul Masyarakat Iranun	
2.9.1 Asal dari Borneo	25-26
2.9.2 Asal dari Filipina	26-28
2.10 Strata Sosial dalam Masyarakat Iranun	28-29
2.11 Iranun dan Bajau	29-31
2.12 Sejarah Awal Kegiatan Ekonomi Masyarakat Iranun	31-34
2.13 Rumusan	35
BAB 3 : TRADISI PERKAHWINAN	
3.1 Pengenalan	36
3.2 Budaya Benda dalam Adat Perkahwinan Iranun dan Bajau	
3.2.1 <i>Samber layang & pasandalan</i>	37
3.2.2 <i>Sambulayang & damak</i>	37-38
3.2.3 Usungan	38-39
3.2.4 Permainan sepak manggis	39-40
3.3 Upacara Merisik dan Meminang	
3.3.1 Proses <i>sandiq</i>	40-41
3.3.2 Proses <i>tilau-tilau idaan / mendo</i>	41-42
3.4 Upacara Bertunang	
3.4.1 Majlis <i>bpagidsa-idsa</i>	43
3.4.2 Majlis <i>seruan</i>	43-44
3.5 Menghantar <i>Berian</i>	
3.5.1 <i>Bpamalad</i>	44-45
3.5.2 <i>Norong / malad</i>	45-46
3.6 Malam Berinai	
3.6.1 Majlis <i>mbedak</i>	46-47
3.6.2 Majlis <i>madak / mandi badak</i>	47-49
3.7 Majlis Perkahwinan	49-51
3.8 Setelah Hari Perkahwinan	
3.8.1 <i>Bpangilai & ndulug</i>	51-52

3.8.2 <i>Ngendo & ngedede</i>	52-53
3.9 Rumusan	53
BAB 4 : TRADISI ADAT KEMATIAN	
4.1 Pengenalan	54
4.2 Upacara Hebahan Berita Kematian	
4.2.1 <i>Mbalu'</i>	55
4.2.2 Adat <i>balu-bal</i>	56
4.3 Semasa Menghantar Jenazah	56-58
4.4 Semasa Pengebumian Jenazah	
4.4.1 <i>Pandi'</i> (Payung)	58-59
4.4.2 Payung <i>jomo matai</i>	59-60
4.4.3 <i>Linsam</i> (Batu Nisan)	60-61
4.4.4 Memasang <i>guris</i>	61
4.4.5 <i>Mayang pinang</i>	61-62
4.5 Selepas Pengebumian Jenazah	
4.5.1 Menjaga kubur	62-64
4.5.2 <i>Bangkai-bangkaian</i>	64-65
4.5.3 Amalan <i>duang</i>	65-67
4.5.4 Kenduri arwah	67-68
4.6 Rumusan	68-69
BAB 5 : KESIMPULAN	70-74
BIBLIOGRAFI	75-79
LAMPIRAN	80

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1: Kawasan penempatan awal masyarakat Iranun di Sabah	23
Rajah 3.1: <i>Usunan</i> yang membawa pengantin lelaki	38
Rajah 3.2: Permainan tradisi sepak manggis	40
Rajah 4.1: Payung tanda kematian	59



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

- JHEAINS** - Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
- JPS** - Jabatan Perangkaan Sabah
- SBBU** - Syarikat Berpiagam Borneo Utara



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Laporan Turnitin	80



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sabah merupakan sebuah negeri yang terkenal dengan kebudayaan dan tinggalan warisan budaya etnik unik dan pelbagai. Masyarakat Iranun adalah antara etnik yang kaya dengan adat istiadat dan budaya itu. Masyarakat Iranun juga merupakan masyarakat peribumi yang ada di Sabah yang mana telah didaftarkan sebagai Illanun di setiap daftar rekod kerajaan pada masa dahulu. Kerajaan negeri Sabah juga telah bersetuju untuk mengubah istilah Illanun ini iaitu lebih tepat kepada Iranun sejak bulan Februari 1988. Setelah berlaku perubahan dalam istilah Illanun kepada Iranun ini, barulah wujud perubahan positif dari segi peranan dan sumbangan mereka dalam membina tamadun awal masyarakat peribumi Sabah.¹

Masyarakat Iranun sebahagian besarnya menetap di pantai Barat Sabah iaitu Kota Belud dan Kudat serta di pantai timur Sabah iaitu di Lahad Datu khususnya di kawasan Tungku. Penempatan masyarakat Iranun ini lebih tertumpu di kawasan pesisir Pantai Timur dan Pantai Barat Sabah.² Hal ini kerana sistem kehidupan masyarakat Iranun adalah berasaskan kepada sumber laut dan mereka antara

¹ Lokman Abdul Samad & Asmiaty Amat, *Iranun*, Dalam Kntayya Mariappan & Paul Porodong (ed), *Murut dan Pelbagai Etnik Kecil Lain di Sabah*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia, 2012, hlm. 299.

² Datu Bandira Datu Alang, *Iranun: Sejarah dan Adat Tradisi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 2.

kumpulan yang mahir dalam dunia kelautan sehinggakan mereka pernah digelar oleh Barat sebagai *Lord of the Eastern Sea*.³ Hal ini demikian kerana mereka merupakan pelaut yang begitu dihormati di rantau kepulauan Melayu pada abad ke-16 sehingga abad ke-19.

Masyarakat Iranun sememangnya bersebaran di seluruh kawasan Sabah. Menurut rekod Banci Penduduk dan Perumahan (1991), etnik Iranun adalah seramai 9,995 orang dan meningkat kepada 13,769 orang pada tahun 2000 di negeri Sabah. Kota Belud yang merupakan kawasan penempatan majoriti masyarakat Iranun telah mencatatkan seramai 7,425 orang pada tahun 2000.⁴ Etnik Iranun juga lebih ramai di Pulau Mindanao, Filipina berbanding di Sabah. Kehadiran masyarakat Iranun di Sabah ini telah mewujudkan pelbagai gambaran dan persoalan kepada para pengkaji sama ada masyarakat Iranun ini sememangnya berasal dari Pulau Mindanao atau berasal dari Sabah.⁵ Persoalan ini juga boleh terjawab berdasarkan lisan daripada penduduk tempatan dan mengikut fakta sejarah. Meskipun begitu, kewujudan etnik Iranun di Sabah telah memberikan keunikan kerana kepelbagaian etnik yang wujud dan menjadikan negeri Sabah kaya dengan pelbagai adat dan budaya.

Apabila dibahaskan mengenai masyarakat Iranun, etnik ini biasanya dianggap sama dengan masyarakat Bajau dan dikelompokkan dalam kategori Bajau seperti yang dilakukan oleh Supriya Bhar (1977). Penulis mengatakan bahawa kedua-dua etnik ini bukan sahaja sama dari segi fizikal, malah hampir kesemua adat, kepercayaan dan cara hidup etnik Iranun dengan Bajau adalah sama. Perkara yang menyebabkan mereka saling berkongsi adat tradisi ini kerana perkahwinan campur antara mereka. Namun, perbezaan antara kedua-dua etnik ini jelas kelihatan iaitu dari segi bahasa dan loghat mereka. Kebanyakan orang Iranun boleh bertutur bahasa Bajau namun tidak ramai orang Bajau boleh berbahasa Iranun.⁶ Hal ini berlaku

³ Ismail Ali & Jamaluddin Moksan, Meriam Sultan Setebuk: Simbol Keagungan Sejarah Maritim Orang Iranun di Tempasuk, Sabah, *Jurnal Kajian & Pendidikan Sejarah*, **4**(1), 2016, hlm. 28.

⁴ Lokman Abdul Samad & Asmiaty Amat, Iranun, *Dalam Kntayya Mariappan & Paul Porodong (ed), Murut dan Pelbagai Etnik Kecil Lain di Sabah*, hlm. 306-307.

⁵ Datu Bandira Datu Alang, *Iranun: Sejarah dan Adat Tradisi*, hlm. 2.

⁶ *Ibid.*, hlm. 75.

kerana bahasa Bajau ini dikira sebagai bahasa pengantar ketika berkomunikasi bagi penduduk pelbagai etnik di Kota Belud.

Kajian ini adalah untuk mengkaji tentang sejarah identiti masyarakat Iranun. Disebabkan terdapat pelbagai teori tentang asal-usul masyarakat Iranun dan tanggapan bahawa masyarakat Iranun dan Bajau adalah sama, maka kajian seperti ini adalah salah satu usaha bagi membincangkan sejarah asal-usul masyarakat Iranun dan perbezaan budaya antara etnik Iranun dan Bajau di Kota Belud. Bagi mencapai objektif kajian ini, pengumpulan maklumat melalui buku dan internet telah dibuat berdasarkan metodologi yang ditetapkan.

1.2 Permasalahan Kajian

Masyarakat Iranun di Sabah dikatakan berasal dari Kepulauan Mindanao di Selatan Filipina. Faktor kestabilan politik di Sabah serta kedudukan geografi Sabah itu sendiri yang berdekatan dengan Kepulauan Filipina menyebabkan etnik masyarakat ini bermigrasi ke Kepulauan Borneo. Kepulauan Borneo juga mempunyai kawasan pelabuhan pendaratan yang strategik. Destinasi migrasi masyarakat ini di Sabah majoritinya menetap di Tempasuk (Kota Belud) yang berdekatan dengan pesisir pantai. Walau bagaimanapun, setelah masyarakat ini bermigrasi ke Sabah dan menetap di Tempasuk, menyebabkan mereka berasimilasi dengan masyarakat setempat khususnya masyarakat daripada kalangan etnik Bajau. Akibatnya, kerap kali juga etnik Iranun diidentifikasi sebagai masyarakat Bajau. Sebagai contoh, Ivor Evans dalam karyanya mengatakan bahawa masyarakat Iranun mempunyai budaya dan perwatakan yang sama dengan Bajau.⁷ Memang tidak dapat dinafikan bahawa etnik ini sama dari aspek geografi iaitu kedua-dua etnik ini menetap di daerah Kota Belud dan juga Tuaran sejak dari dahulu lagi. Tambahan pula, pertembungan budaya antara masyarakat Iranun dan Bajau sudah lama berlaku

⁷ Ivor H. N. Evans, *Among Primitive Peoples in Borneo: A Description of the Lives, Habits dan Customs of the Piratical Head-hunters of North Borneo, with an Account of Interesting Objects of Prehistoric Antiquity Discovered in the Island*, London: Seeley Service and Co. Limited, 1922, hlm. 196.

sehingga mewujudkan persamaan budaya antara mereka dan berlakunya asimilasi budaya melalui perkahwinan serta menganut agama yang sama iaitu Islam. Walau bagaimanapun dari segi susur galur keturunan serta sosiobudayanya etnik ini sebenarnya berbeza dengan etnik Bajau. Perbezaan yang ketara antara masyarakat Iranun dan Bajau termasuk juga dari segi bahasa yang digunakan oleh mereka dan mempunyai status sosial masing-masing.

Budaya adalah elemen yang membezakan setiap etnik atau masyarakat kerana kewujudan ciri-ciri tertentu yang diamalkan secara turun-temurun. Dari sini kita dapat mengetahui perbezaan budaya tradisi perkahwinan dan budaya dalam adat kematian antara etnik Iranun dan Bajau Kota Belud yang sering dikatakan sama oleh sarjana Barat. Tetapi, memandangkan masyarakat Iranun dan Bajau di Kota Belud hidup berjiran, maka tidak hairanlah jika banyak amalan budaya mereka yang hampir sama lebih-lebih lagi dalam tradisi perkahwinan dan aspek kematian ini.

Meskipun terdapat persamaan budaya antara kedua-dua etnik ini, mereka tidak cenderung untuk tinggal di perkampungan yang sama. Masyarakat Iranun lebih tertumpu dengan laut dan bekerja sebagai nelayan. Bahkan dalam bidang bahasa yang digunakan oleh etnik Iranun dan Bajau Kota Belud juga adalah tidak sama. Disebabkan itu, jelas menunjukkan bahawa walaupun perkahwinan campur berlaku, kedua-dua etnik ini tetap berbeza antara satu sama lain dan masing-masing mempunyai keunikan tersendiri.⁸ Oleh itu, kajian seperti ini penting untuk melihat sejauh mana perbezaan budaya antara masyarakat Iranun dengan Bajau Kota Belud dan memberikan gambaran sebenar berkaitan masyarakat Iranun di Sabah.

Perbezaan dalam sosiobudaya etnik Iranun dan Bajau mengakibatkan ada dalam kalangan masyarakat Iranun yang tidak setuju bahawa etnik Iranun adalah dari kelompok yang sama dengan etnik Bajau. Begitu juga masyarakat Bajau mempunyai pelbagai anggapan sehingga tidak mahu disamakan atau dikaitkan dengan etnik Iranun ini.

⁸ Mark T. Miller, *Social Organization of the West Coast Bajau*, SIL International, 2011, hlm. 8.

Berdasarkan pernyataan masalah ini secara tidak langsung menimbulkan beberapa persoalan dalam kajian. Persoalan utama adalah bagaimanakah asal-usul serta latar belakang etnik Iranun?

Persoalan kedua, apakah perbezaan sosiobudaya khususnya berkenaan dengan tradisi perkahwinan antara masyarakat Iranun dan Bajau di Kota Belud?

Persoalan ketiga ialah apakah perbezaan budaya dalam adat kematian antara masyarakat Iranun dengan Bajau Kota Belud?

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian penulisan ini adalah untuk membincangkan sejarah asal-usul masyarakat Iranun di Kota Belud, Sabah. Asal-usul ini dikaji adalah untuk mendedahkan kepada masyarakat tentang latar belakang etnik Iranun. Penulis membincangkan secara ringkas masyarakat nusantara, Filipina, Borneo dan Kota Belud. Seterusnya, penulis membincangkan tentang asal-usul nama Iranun, penempatan awal masyarakat Iranun, bahasa pertuturan, asal-usul etnik ini, strata sosial, Iranun dan Bajau serta sejarah awal kegiatan ekonomi mereka.

Objektif kajian yang kedua adalah menganalisis tentang perbezaan budaya tradisi perkahwinan antara masyarakat Iranun dan Bajau di Kota Belud. Penulis menyentuh berkaitan budaya benda dalam adat perkahwinan mereka. Seterusnya, penulis menganalisis perbezaan antara etnik ini dari segi upacara seperti merisik, bertunang, menghantar *berian*, malam berinai, hari perkahwinan dan setelah majlis perkahwinan.

Di samping itu, objektif kajian ini juga adalah untuk menganalisis perbezaan budaya dalam adat kematian antara masyarakat Iranun dengan Bajau Kota Belud. Terdapat amalan atau budaya yang sama atau hampir sama dalam adat kematian Iranun dan Bajau Kota Belud ini seperti amalan *mbalu'*, amalan menjaga kubur, *bangkai-bangkaian*, amalan *duang* dan kenduri arwah. Perkara yang membezakan

budaya kematian mereka adalah semasa pengebumian jenazah iaitu dari segi penggunaan payung, batu nisan, *guris*, syair orang mati dan *mayang pinang*.

1.4 Sorotan Literatur Kajian

Di Malaysia, setiap masyarakat pelbagai kaum mempunyai adat istiadat dan budaya yang tersendiri. Adat istiadat yang diamalkan oleh sesuatu bangsa adalah lahir daripada peraturan secara turun-temurun. Setiap masyarakat melalui kehidupan yang berlandaskan amalan nenek moyang mereka dan melakukan amalan itu sebagai satu peraturan. Lalu peraturan ini akan menjadi satu kebiasaan yang akhirnya menjadi satu kemestian bagi mereka. Terdapat beberapa kajian mengenai sejarah etnik di Sabah dan masyarakat Iranun.

Dalam sejarah etnik masyarakat di Sabah, Siti Aidah Haji Lokin (2007) dalam buku yang bertajuk "Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963)" telah menyentuh berkaitan latar belakang masyarakat peribumi di Sabah sebelum kedatangan kuasa luar dan semasa dalam pemerintahan Kesultanan Sulu.⁹ Penulis menekankan dalam buku ini mengenai keadaan sosioekonomi dan pentadbiran peribumi di Sabah serta penghijrahan orang dari selatan Mindanao ketika era penguasaan Kesultanan Sulu. Perbandingan buku dengan kajian ini adalah buku ini menganalisis peranan penduduk tempatan dan penghijrahan penduduk dari selatan Filipina manakala kajian ini membincangkan tentang peranan masyarakat Iranun serta penghijrahan mereka dari selatan Filipina.

Lokman Abdul Samad dan Asmiaty Amat bertajuk "Iranun" dalam buku karya Kntayya Mariappan dan Paul Porodong yang bertajuk "Murut & Pelbagai Etnik Kecil Lain di Sabah" keseluruhannya buku ini membincangkan tentang sejarah identiti budaya etnik peribumi utama seperti Murut, Kadazan Dusun dan etnik minoriti yang lain termasuklah etnik Iranun. Dalam buku ini, penulis hanya merujuk kepada bab Iranun kerana berkaitan dengan tajuk kajian ini. Bab buku Iranun ini meliputi

⁹ Siti Aidah Hj. Lokin, *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963)*, Sabah: Universiti Malaysia Sabah, 2007.

perbincangan tentang asal-usul dan petempatan orang Iranun, organisasi sosial masyarakat Iranun dan adat budaya warisan Iranun iaitu adat perkahwinan dan kematian. Penulis buku ini ada menyatakan faktor ekonomi yang menyebabkan orang Iranun berhijrah secara beramai-ramai ke pulau di sekitar Asia Tenggara. Penulis juga menyatakan bahawa mereka lebih memilih untuk menetap di Sabah kerana mempunyai kawasan pelabuhan pendaratan yang strategik dan kedudukannya yang berdekatan dengan selatan Filipina. Buku ini dapat menjawab persoalan tentang faktor penghijrahan beramai-ramai orang Iranun ke Borneo Utara.

Selain itu, buku bertajuk "Nilai dan Norma Masyarakat di Sabah" daripada penulis Saidatul Nornis Haji Mahali juga membincangkan tentang budaya masyarakat di Sabah seperti Kadazan Dusun, Bajau Kota Belud, Bajau Laut, Murut, Bugis, Iranun dan Lundayeh. Nilai dan norma ini merangkumi segala bentuk adat resam, pantang larang, perkahwinan dan kematian. Dalam buku ini, kajian lebih memfokuskan kepada identiti budaya Bajau dari aspek simbolisme dalam adat kematian. Sememangnya terdapat beberapa persamaan yang boleh dilihat dari segi amalan budaya kematian masyarakat Iranun dan Bajau Kota Belud seperti *bangkai-bangkai*, amalan berjaga di kubur dan *duang*.

Antara kajian terawal tentang masyarakat Iranun ialah kajian Datu Bandira Datu Alang (1992) yang bertajuk "Iranun: Sejarah dan Adat Tradisi".¹⁰ Buku ini banyak membincangkan tentang asal-usul dan budaya masyarakat Iranun. Penulis juga menghuraikan mengenai faktor yang mendorong masyarakat Iranun berhijrah ke Borneo Utara. Perbincangan buku ini menumpukan tentang persoalan sejarah, bentuk sosial, adat perkahwinan, kematian, sistem beragama dan perwatakan masyarakat Iranun masa kini. Penulis menghuraikan secara menyeluruh berkaitan kegiatan ekonomi dan sosial masyarakat Iranun seperti menangkap ikan dan bertani. Kegiatan ekonomi ini yang menjadi sumber pendapatan mereka sejak turun-temurun. Namun, buku ini lebih banyak menggunakan sumber sekunder berbanding dengan sumber primer. Disebabkan itu, sebahagian maklumat dalam penulisan yang dikemukakan oleh beliau ini lebih banyak bergantung kepada sumber lisan.

¹⁰ Datu Bandira Datu Alang, *Iranun: Sejarah dan Adat Tradisi*, hlm. 1-96.

Selain itu, terdapat kajian berkaitan masyarakat Iranun ini iaitu kajian Denis J. Sading & Siti Aminah Roslan (2017) yang bertajuk "Inventori Budaya Etnik Negeri Sabah: Etnik Iranun". Dalam kajian mereka didapati bahawa etnik Iranun sememangnya kaya dengan budaya dalam kehidupan seharian. Dalam buku inventori budaya etnik ini, penulis menjelaskan tentang kekayaan dan keunikan budaya tersebut menerusi bab-bab yang ada. Buku ini berhasil mengumpul maklumat tentang adat dan budaya semasa etnik Iranun tetapi masih banyak lagi aspek budaya yang tidak sempat direkodkan.¹¹ Kajian ini termasuklah dari segi adat istiadat, muzik dan tarian tradisi Iranun, pakaian tradisi, perkahwinan, kraf tangan, makanan tradisi, permainan tradisional, perubatan tradisional Iranun dan sebagainya.

James U.H. dan Karla J. Smith (2011) dalam buku "*The Iranun of Sabah*" adalah mengenai pengertian masyarakat Iranun itu sendiri.¹² Melalui buku ini, terdapat beberapa perbezaan dari segi istilah nama Iranun. Buku ini turut membincangkan tentang aktiviti sosioekonomi yang dijalankan oleh masyarakat Iranun. Buku ini juga menjelaskan tentang aspek bahasa dan kebudayaan Iranun serta menyatakan bahawa Iranun adalah etnik minoriti. Kaitan antara buku dan kajian ini adalah membincangkan tentang sejarah masyarakat Iranun dari segi asal-usul Iranun sama ada dari Borneo atau Selatan Filipina. Masyarakat Iranun juga dikatakan sebagai salah satu sub-kumpulan etnik Bajau. Sehingga mereka mendaftar kad pengenalan sebagai orang Bajau bukannya Iranun. Buku ini juga ada membincangkan bahawa terdapat amalan orang Iranun yang dituntut sebagai budaya tradisi mereka. Misalnya, pakaian tradisi orang Iranun iaitu *tubau* dikatakan sebagai tenunan Kadazan Dusun. Namun, tenunan tradisional orang Iranun ini kebanyakannya telah diterima pakai oleh kumpulan etnik lain.

¹¹ Denis J. Sading & Siti Aminah Roslan, *Inventori Budaya Etnik Negeri Sabah Etnik Iranun*, Sabah: Lembaga Kebudayaan Negeri, 2017, hlm. 262.

¹² James U.H. Chin & Karla J. Smith, *The Iranun of Sabah: Language and Culture of an Endangered Minority in Sabah*, Selangor: Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd., 2011.

Di samping itu, kajian daripada Humin Jusilin (2017) yang bertajuk "Warna dalam Upacara Adat Masyarakat Iranun di Sabah" turut membincangkan berkaitan penggunaan warna dalam upacara adat perkahwinan dan kematian masyarakat Iranun.¹³ Erti lambang melalui warna ini menjadi satu keunikan kerana warna boleh digunakan berdasarkan keperluan tertentu yang melambangkan nilai, peraturan dan norma yang mesti dituruti oleh masyarakat. Dalam kajian, penulis menyatakan bahawa dalam masyarakat Iranun, warna hijau dan kuning ini melambangkan kesuburan dan kesejahteraan bagi status golongan syarif dan datu. Warna merah pula menjadi simbol keberanian dan keperwiraan. Warna ungu pula menunjukkan perpaduan dan hitam melambangkan kesatuan dalam masyarakat Iranun serta warna biru pula menunjukkan simbol kebersihan dan kesucian. Secara keseluruhannya, makalah ini ingin menjawab persoalan tentang adat penggunaan warna dan simbolnya sebagai alat komunikasi yang dapat mengenal pasti status dalam sistem sosial Iranun.

Seterusnya kajian daripada Abd. Naddin Shaiddin *et. al.* (2014) dalam buku bertajuk "Adat Resam dan Pantang Larang Suku Kaum di Sabah".¹⁴ Buku ini menerangkan berkaitan adat resam dan pantang larang suku kaum yang ada di Sabah salah satunya suku kaum Iranun. Buku ini mengetengahkan tentang keindahan dan keistimewaan adat kebudayaan di Sabah dan memilih enam suku kaum iaitu Kadazan Dusun, Bajau Sama, Dusun Bonggi, Rungus, Iranun dan Bisaya. Kajian ini sangat membantu pengkaji dalam mencari maklumat berkaitan adat kelahiran, adat kematian dan adat perkahwinan masyarakat Iranun. Penyelidikan dalam kajian ini dilakukan secara mendalam iaitu dengan menemu ramah informan tertentu untuk mendapatkan data yang tepat berkenaan tajuk kajian.

Dalam kajian Ismail Ibrahim & Humin Jusilin (2018) juga yang bertajuk "Warisan Iranun: Corak dan Ragam Hias, Objek dan Budaya" membincangkan

¹³ Humin Jusilin, Warna dalam Upacara Adat Masyarakat Iranun di Sabah, *Dalam* Saidatul Nornis Hj. Mahali (ed), *Pumpunan Budaya Peribumi di Sabah*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2017, hlm. 79-89.

¹⁴ Abd. Naddin Shaiddin, *et. al.*, *Adat Resam dan Pantang Larang Suku Kaum di Sabah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014, hlm. 124-151.

mengenai keunikan budaya masyarakat Iranun.¹⁵ Buku ini merungkaikan tentang kepelbagaian ragam hias masyarakat Iranun dari segi warisan pakaian, pelamin dan beberapa artifak budaya Iranun. Penulis menyatakan bahawa peninggalan budaya tradisi yang diwarisi secara turun-temurun telah dapat mengekalkan tradisi masyarakat Iranun di Sabah. Hidup mereka yang digambarkan berasaskan kepercayaan dan sistem adat secara tidak langsung telah menyebabkan hubungan mereka dengan dunia menjadi lebih erat. Penglibatan masyarakat dengan aktiviti harian menjadikan kekuatan dan terbentuknya sistem adat mereka. Paparan motif dan ragam hias dalam objek budaya masyarakat Iranun merupakan unsur yang menggambarkan jati diri dan nilai pemikiran yang tinggi mereka.

Seterusnya, terdapat seorang pengkaji dari Filipina yang bernama Mamitua Saber telah mengkaji dan membuat penulisan tentang masyarakat Iranun di Sabah yang bertajuk "*Ilanun of Sabah an Ethnic Extraction from Mindanao*" (1984).¹⁶ Akan tetapi, dalam kajian ini beliau hanya membandingkan masyarakat Iranun di Sabah dengan masyarakat Iranun di Mindanao dari segi sejarah, bahasa dan kebudayaannya. Walaupun penulisan ini tidak dikaji secara lebih mendalam, isi kandungannya tetap berguna kerana menceritakan tentang kedudukan masyarakat Iranun. Beberapa maklumat yang berkaitan dalam penulisan ini boleh digunakan dalam kajian penulis.

Terdapat juga kajian D. Headly (1951) dalam penulisannya yang bertajuk "*Some Illanun and Bajau Marriage Customs in Kota Belud District*" berkaitan adat perkahwinan masyarakat Iranun di Kota Belud. Kandungan penulisan ini menerangkan amalan atau upacara masyarakat Iranun dan Bajau dalam majlis perkahwinan serta adat-adat yang perlu diikuti oleh pihak pengantin lelaki dan pihak pengantin wanita. Antara aspek yang dibincangkan seperti '*pelit, peramai-ramaian,*

¹⁵ Ismail Ibrahim & Humin Jusilin, *Warisan Iranun: Corak dan Ragam Hias Objek dan Budaya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2018, hlm. 1.

¹⁶ Mamitua Saber, *Ilanun of Sabah: an Ethnic extraction from Mindanao*, Mindanao State University, 1984, hlm. 1-25.

benga atau getas sarirai' dan yang paling penting adalah adat berian.¹⁷ Adat-adat seperti ini adalah penting dalam budaya masyarakat Iranun. Penulis melihat perkara ini adalah unik dan menarik dalam kehidupan masyarakat Iranun dan Bajau. Namun, beliau telah menyamakan orang Iranun dan Bajau dari segi adat istiadat dan budaya mereka. Akibatnya, kedudukan strata sosial dalam masyarakat Iranun mula terjejas yang mengaitkan beberapa identiti penting dalam masyarakat Iranun seperti golongan Datu dan Syarif. Walhal golongan ini sangat berperanan penting dalam sejarah dan perkembangan politik masyarakat Iranun.

Seterusnya, Rosnah Ismail dalam karya penulisan beliau yang bertajuk "Hubungan Kesulitan Ekonomi dengan Kefungsian Keluarga, Hubungan Perkahwinan dan Tingkah Laku Keibubapaan Etnik, Rungus, Iranun dan Melayu" telah membincangkan tentang hubungan kesulitan ekonomi dengan fungsi keluarga, perkahwinan dan tingkah laku.¹⁸ Dari aspek Iranun, masyarakat ini pernah didaftarkan sebagai Illanun di setiap rekod kerajaan yang berdaftar. Pada Februari 1988, kerajaan negeri Sabah telah menukarkan Illanun kepada Iranun dan masih digunakan sehingga ke hari ini. Perkaitan antara buku dengan kajian ini adalah melalui asal-usul orang Iranun dan identifikasi nama tersebut di Borneo Utara.

Kajian Asmiaty Amat & Mohd Asnari Taim (2020) yang bertajuk "Fungsi Ajung dalam Masyarakat Iranun Daerah Kota Belud, Sabah" juga berkaitan dengan khazanah warisan Iranun iaitu *Ajung*. Di sini, pengkaji tidak menyentuh berkaitan warisan budaya *Ajung* ini tetapi tertarik dengan huraian penulis mengenai latar belakang masyarakat Iranun. Penulis membincangkan secara terperinci tentang latar belakang masyarakat Iranun iaitu dari segi asal-usul mereka, petempatan, kegiatan ekonomi mereka, susun lapis masyarakat Iranun dan pembahagian warna sebagai simbol yang menentukan status mereka. Kajian ini juga digunakan dalam bab adat

¹⁷ Headly D., Some Ilanun and Bajau Marriage Customs in the Kota Belud District, North Borneo, *J.M.B.R.A.S.*, **24**(3), 1951, hlm. 159-162.

¹⁸ Rosnah Ismail, *Hubungan Kesulitan Ekonomi dengan Kefungsian Keluarga, Hubungan Perkahwinan dan Tingkah Laku Keibubapaan Etnik, Rungus, Iranun dan Melayu*, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2004.

perkahwinan dan bab keunikan budaya Iranun kerana *Ajung* ini sememangnya berkait dan berfungsi terhadap budaya kehidupan etnik Iranun.¹⁹

Kajian tentang masyarakat Iranun ini turut terdapat dalam kajian Saidatul Nornis Hj. Mahali (2010) dalam kajian bertajuk "Adat dan Ritual Kematian di Sabah".²⁰ Buku ini sangat berguna kepada penulis kerana maklumatnya berkaitan adat kematian masyarakat Iranun. Buku ini juga lengkap dengan adat dan ritual kematian masyarakat Iranun meliputi adat atau perkara yang perlu dilakukan semasa berlakunya kematian dalam suku kaum Iranun antaranya adat memberitahu, adat berkunjung, adat memandikan jenazah, mengkafankan, solat jenazah, menurunkan jenazah, ritual pengebumian, kenduri dan upacara berjaga malam. Kajian penulis juga mengatakan bahawa ada persamaan dalam adat kematian masyarakat Iranun dengan masyarakat Bajau Kota Belud. Tetapi, perbezaannya adalah masyarakat Iranun memberikan sebetuk cincin kepada individu yang membersihkan bahagian sulit jenazah. Terdapat juga amalan mengukur ketinggian anak cucu menggunakan kayu kecil lalu diletakkan di atas kubur si mati dengan bertujuan supaya si mati tidak mencari keluarganya.

Jelasnya, sorotan literatur iaitu kajian lepas yang dilakukan ini telah dibaca dengan teliti. Kebanyakannya kajian mereka adalah mengenai sejarah asal-usul masyarakat Iranun dan perubahan adat serta budaya mereka. Penulis juga mendapati banyak kajian tentang sejarah mengenai aktiviti pelanunan yang dikaitkan dengan orang Iranun di nusantara.

1.5 Skop Kajian

¹⁹ Asmiaty Amat & Mohd Asnari Taim, Fungsi Ajung dalam Masyarakat Iranun Daerah Kota Belud, Sabah, *Jurnal Melayu Sedunia*, **3**(1), 2020, hlm. 79-99.

²⁰ Dg. Suria Hj. Mulia, Adat dan Ritual Kematian Suku Iranun Kota Belud, *Dalam* Saidatul Nornis Hj. Mahali (ed), *Adat dan Ritual Kematian di Sabah*, Universiti Malaysia Sabah, 2010, hlm. 45-62.